

Artikel

**Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah dalam Kalangan Etnik Luar Bandar Terhadap Bahasa Melayu**  
(*Attitudes and Motivation of Primary School Students in Rural Ethnic Groups Towards the Malay Language*)

Karim Harun<sup>1\*</sup> & Mohd Asri Harun<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [linguist@ukm.edu.my](mailto:linguist@ukm.edu.my)

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

**Abstrak:** Sikap dan motivasi dalam kalangan etnik di luar bandar terhadap bahasa Melayu akan mempengaruhi penguasaan bahasa tersebut. walaupun bahasa Melayu telah digunakan secara meluas oleh etnik-etnik Melayu, Cina dan Orang Asli di Terengganu dan Kelantan, namun, perbezaan status penutur bahasa Melayu sebagai penutur bahasa pertama dan bahasa kedua ini perlu dikaji kerana bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan memerlukan penguasaan bahasa yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Perbezaan status penutur bahasa Melayu ini memberi kesan terhadap penguasaan bahasa tersebut. Walaupun etnik Melayu, etnik Cina dan Orang Asli tinggal dalam komuniti yang sama di pantai timur sejak dahulu lagi, namun kecekapan komunikatif bahasa Melayu etnik-etnik ini masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan para sarjana bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan membincangkan sikap dan motivasi murid sekolah rendah dalam kalangan etnik Melayu, Cina dan Orang Asli di kawasan luar bandar di pantai timur terhadap bahasa Melayu. Data kajian diperoleh daripada 429 responden yang berumur 11 tahun di negeri Terengganu dan Kelantan melalui instrumen soal selidik yang ditadbir secara bersama dengan guru-guru sekolah. Pendekatan deskriptif digunakan dalam menghuraikan data kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid etnik di kawasan luar bandar di pantai timur mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa yang penting. Guru-guru, sekolah, ibu bapa dan ahli keluarga pula menjadi pendorong utama motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu. Sikap dan motivasi etnik di kawasan luar bandar di pantai timur terhadap bahasa Melayu yang positif memperlihatkan peluang yang cerah dalam kalangan etnik tersebut untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Sikap; motivasi; etnik; bahasa Melayu; luar bandar

**Abstract:** The attitude and motivation among ethnic groups in rural areas towards the Malay language will influence the mastery of the language. Although the Malay language has been widely used by the Malay, Chinese and Orang Asli ethnic groups in Terengganu and Kelantan, however, the difference in the status of Malay speakers as first and second language speakers needs to be studied because the Malay language, which is the official language, national language and unity language, requires a high level of language proficiency among Malaysians. This difference in the status of Malay speakers affects the mastery of the language. Although the Malay, Chinese and Orang Asli ethnic groups have lived in the same community on the east coast since long time, the communicative competence of the Malay language of these ethnic groups still

receives little attention among Malay language scholars. This study aims to discuss the attitudes and motivation of primary school students among the Malay, Chinese and Orang Asli ethnic groups in rural areas on the east coast towards the Malay language. The study data were obtained from 429 respondents aged 11 in the states of Terengganu and Kelantan through a questionnaire instrument administered jointly with school teachers. A descriptive approach was used in describing the study data. The study findings showed that the majority of ethnic students in rural areas on the east coast have a positive attitude towards the Malay language as an important language. Teachers, schools, parents and family members are the main drivers of motivation to learn Malay. The positive attitude and motivation of ethnic students in rural areas on the east coast towards the Malay language shows a bright opportunity among these ethnic groups to improve their mastery of the Malay language.

**Keywords:** Attitude; motivation; ethnicity; Malay language; rural

## Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar pendidikan di sekolah. Murid-murid sekolah perlu menguasai bahasa Melayu kerana penguasaan bahasa Melayu akan mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka. Namun begitu, tidak semua murid dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik terutama murid-murid yang menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kerana mereka mempunyai pengalaman yang berbeza dari segi cara memperoleh dan menguasai bahasa tersebut (Ambridge & Lieven, 2011). Penguasaan bahasa Melayu murid yang berbeza ini perlu diteliti kerana ia memberi impak terhadap pencapaian akademik murid-murid tersebut (Nurhijrah et al. 2019). Kajian ini bertujuan untuk membincangkan sikap dan motivasi penutur bahasa Melayu dalam kalangan murid etnik Melayu, Cina dan Orang Asli luar bandar yang tinggal di pantai timur Semenanjung Malaysia. Walaupun etnik Melayu sudah hidup bersama dengan etnik Cina dan Orang Asli sejak dahulu lagi, namun sikap dan motivasi terhadap bahasa Melayu etnik-etnik ini masih belum diteliti secara meluas.

Penguasaan bahasa Melayu ketiga-tiga etnik ini mempunyai hubungan dengan sikap dan motivasi terhadap bahasa Melayu. Sikap dan motivasi memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran bahasa Melayu kerana kedua-dua elemen ini mempunyai hubungan yang erat bagi membolehkan seseorang itu berjaya dalam pembelajaran bahasa. Menurut Gardner (1985) perbezaan persekitaran dan faktor personal murid amat mempengaruhi persepsi dan sikap murid terhadap pembelajaran. Sikap positif yang berpunca daripada motivasi integratif menjadikan seseorang berkeinginan untuk berhubung dengan komuniti bahasa dan sikap positif yang berpunca daripada motivasi instrumental pula bertujuan untuk mendapat manfaat praktikal seperti prospek pekerjaan dan sebagainya. Sikap negatif pula boleh menghalang pemerolehan bahasa dengan mengurangkan motivasi, usaha, dan kesediaan untuk berkomunikasi. Kajian ini dapat menjelaskan sikap dan motivasi terhadap bahasa Melayu dalam kalangan etnik-etnik di kawasan luar bandar.

## Sorotan Literatur

Kajian tentang sikap dan motivasi terhadap penguasaan dan pembelajaran bahasa Melayu sudah banyak dilakukan. Kajian-kajian ini meneliti sikap dan motivasi terhadap sesuatu etnik dan juga membandingkan beberapa etnik. Kebanyakan kajian yang dilakukan dalam pembelajaran memperlihatkan hubungan yang erat antara sikap dan motivasi.

Shamugam dan Mohamad Nasri (2021) melakukan kajian sikap dan motivasi murid India dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kebanyakan murid India sukar memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan bahasa Melayu di peringkat sekolah. Ramai beranggapan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah sikap dan motivasi murid India. Kajian ini dilakukan terhadap murid India di dua buah sekolah Tamil luar bandar di daerah Kuala Lipis, Pahang dengan melibatkan seramai 50 orang murid India tahun 4, 5 dan 6. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa murid India mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Berdasarkan respon soal selidik, murid sekolah Tamil memberikan jawapan tertinggi 96% dan respon terendah

ialah 44% untuk konstruk sikap, manakala untuk konstruk motivasi, respon tertinggi ialah 100% dan terendah pula 46%. 100%. Sikap dan motivasi menjadi pendorong kepada murid India untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan berjaya.

Sikap bahasa murid-murid India terhadap bahasa Melayu juga dilakukan oleh Abdul Wahab et al. (2025). Kajian mereka meninjau sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJK (T) di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah yang merangkumi minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, persepsi murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, sikap murid terhadap penggunaan bahasa Melayu, sikap murid terhadap pengaplikasian bahasa Melayu. Dapatan kajian mereka menunjukkan murid di SJK (T) di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah mengakui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang mempunyai kepentingan untuk masa hadapan mereka dan mereka menunjukkan minat terhadap Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan. Murid-murid di SJK(T) ini juga menyatakan kebanggaan mereka apabila bertutur dalam bahasa Melayu.

Kajian yang dilakukan oleh Zulkifley et al. (2010) pula melihat sikap dan pandangan orang di luar bandar dan bandar, khususnya di negeri Pahang tentang keupayaan bahasa Melayu. Dapatan kajian ini mendapati bahawa masyarakat Pantai Timur di luar bandar mempunyai sikap dan pandangan yang positif terhadap bahasa Melayu. Sikap dan pandangan ini berbeza dengan masyarakat di bandar. Menurut Zulkifley et al. (2010) orang di luar bandar belum mendapat pengaruh yang mengubah sikap mereka terhadap bahasa Melayu berbanding orang di bandar yang berkemungkinan lebih dipengaruhi oleh modenisasi dan globalisasi. Masyarakat di luar bandar juga masih mengamalkan sikap bahasa sebagai cerminan budaya.

Ammar Asyraf dan Sa'adiah (2020) mengkaji sikap pelajar Melayu Singapura terhadap bahasa Melayu. Dapatan kajian berdasarkan soal selidik tersebut menunjukkan nilai sikap pelajar Melayu Singapura terhadap bahasa Melayu adalah sangat memberangsangkan. Kajian ini mendapati banyak responden bersikap positif terhadap bahasa Melayu. Antara faktor kecenderungan sikap tersebut adalah kerana keunikan dan keindahan bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan sikap pelajar Melayu di Singapura yang positif terhadap bahasa Melayu telah memberi kesan positif terhadap amalan penggunaan bahasa Melayu. Pelajar Melayu di Singapura memilih untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Min kegemaran berbahasa pelajar tersebut menunjukkan pelajar tersebut lebih gemar berbahasa Melayu di rumah bersama-sama ahli keluarga adalah tinggi (min= 4.34). Mereka juga menyatakan suka untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian ini sekali gus membuktikan bahawa pemilihan dan penggunaan bahasa Melayu di Singapura dilakukan oleh penuturnya dengan secara sukarela.

Mohd Asri et al. (2017) pula mengkaji perbandingan sikap dan kecekapan komunikatif bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Melayu bandar dengan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan kecenderungan minat yang positif adalah lebih tinggi bagi kedua-dua kumpulan murid Melayu berdasarkan lokasi tersebut apabila data \menunjukkan 97.7% murid \Melayu bandar dan 98.4% murid Melayu luar bandar menyatakan minat yang positif terhadap bahasa Melayu. Hanya 1.6% murid Melayu bandar dan luar bandar yang menyatakan minat yang negatif terhadap bahasa Melayu. Perbezaan peratusan yang tinggi antara kecenderungan minat positif dengan negatif terhadap bahasa Melayu menunjukkan sikap positif kedua-dua kumpulan murid ini terhadap bahasa Melayu adalah sangat tinggi.

Kajian tentang sikap dan sosiokognitif pula dilakukan oleh Nor Hashimah et. al. (2010). Mereka mengkaji sikap dan persepsi yang berkaitan dengan kognisi pelajar terhadap bahasa Melayu. Kajian mereka menggunakan soal selidik dan wawancara. Seramai 1523 orang pelajar tingkatan empat dari 15 buah sekolah di Malaysia dipilih mengikut zon tertentu, iaitu Zon Tengah (Negeri Sembilan), Zon Timur (Kelantan), Zon Utara (Kedah), Sabah dan Sarawak. Wawancara pula melibatkan 50 orang pelajar bagi melihat kemahiran pelajar berkomunikasi secara spontan berdasarkan topik-topik tertentu. Hasil kajian ini mendapati hampir 80.0% (1,208) pelajar bersikap positif terhadap bahasa Melayu. Daripada jumlah tersebut, pelajar perempuan (81.2%) menunjukkan sikap yang lebih positif berbanding pelajar lelaki (76.8%). Dapatan kajian Nor Hashimah, Junaini dan Zaharani (2010) berdasarkan etnik pula menunjukkan 80% pelajar Melayu, Iban dan kaum-kaum lain mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu, berbanding hanya 31.8% pelajar Cina, 68.5% pelajar India dan 70% pelajar Kadazan. Kajian juga mendapati 44.8% pelajar Cina, 16.7% pelajar India dan 23.3% pelajar Kadazan tidak suka untuk mempelajari bahasa Melayu. Antara faktor yang

mendorong sikap negatif ini adalah kerana aktiviti dalam kelas mata pelajaran Bahasa Melayu yang tidak menarik. Menurut Norhasimah et. al. (2010) sikap tidak suka mempelajari Bahasa Melayu ini juga dipengaruhi oleh kurikulum Bahasa Melayu yang terlalu luas dan perubahan remeh-temeh yang selalu berlaku dalam tatabahasa bahasa Melayu sehingga menyukarkan dan mengelirukan pelajar.

Kajian Ammar Asyraf dan Sa'adiah (2020), Mohd Asri et al. (2017) dan Nor Hashimah et al. (2010) menunjukkan pola yang sama, iaitu penutur bahasa Melayu yang dikaji dari segi etnik dan lokasi menunjukkan kecenderungan sikap positif terhadap bahasa Melayu. Sikap pelajar terhadap bahasa bergantung juga kepada sejauh mana keupayaan bahasa itu berfungsi secara praktikal dalam konteks sosial kehidupan pelajar. Sikap terhadap bahasa ini dapat diamati melalui perilaku atau amalan berbahasa. Dengan kata lain, sikap terhadap bahasa ini akan ditunjukkan dengan cara kesediaan penutur bahasa tersebut menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi seharian.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Chew dan Lee (2009), didapati murid-murid Cina di sekolah jenis kebangsaan gagal untuk menguasai sebutan dan penulisan bahasa Melayu. Antara faktor yang menyebabkan kelemahan penguasaan Bahasa Melayu ini adalah kerana sikap murid-murid Cina itu sendiri yang menganggap bahasa Melayu tidak penting. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Chew Fong Peng (2016). Beliau mendapati murid-murid Cina kurang memberi perhatian terhadap Bahasa Melayu kerana dianggap tidak penting dan sekadar bahasa perhubungan yang digunakan secara santai. Amalan pertuturan di rumah menunjukkan penggunaan tertinggi ialah bahasa Cina (bahasa ibunda), iaitu 65% manakala bahasa Inggeris mencatatkan peratusan 32.5% sebagai bahasa pertuturan di rumah. Bahasa Melayu hanya mencatatkan peratusan 2.5% yang menjadi bahasa pertuturan di rumah.

Chew Fong Peng (2023) juga mengkaji hubungan antara persepsi, sikap dan pencapaian bahasa Melayu murid-murid Cina. Kajian beliau bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah, persepsi dan sikap murid sekolah rendah terhadap Bahasa Melayu dan hubungannya dengan pencapaian akademik mereka. Responden kajian ini terdiri daripada murid-murid Tahun 5 dari tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di sekitar daerah Kepong, Kuala Lumpur. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah berada pada tahap rendah, persepsi murid sekolah rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu adalah pada tahap sederhana, manakala sikap murid sekolah rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Kajian ini memperlihatkan tiada hubungan antara sikap dengan pencapaian dalam mata Pelajaran bahasa Melayu.

Norizah Ardi (2005) menjalankan kajian untuk melihat sikap dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti di selatan Thailand yang mengikuti kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dan pemerhatian ikut serta. Dapatan kajian menunjukkan pelajar tersebut bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu serta bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu. Sikap positif ini telah merangsang pembelajaran bahasa Melayu dan secara tidak langsung menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kajian mendapati penggunaannya amat terhad kerana bahasa Melayu hanyalah bahasa yang diamalkan oleh kumpulan minoriti sahaja di Thailand yang berperanan dan digunakan dalam urusan hubungan kekeluargaan dan keagamaan sahaja.

Kajian-kajian yang telah dibincangkan di atas memperlihatkan bahawa sikap dan motivasi mempunyai hubungan yang erat terhadap penguasaan bahasa Melayu. Penutur yang menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memperlihatkan sikap yang positif tetapi pada tahap yang sederhana terhadap bahasa Melayu. Mereka kurang berinteraksi menggunakan bahasa Melayu di rumah dan menganggap penguasaan bahasa Melayu yang baik juga tidak penting. Amalan penggunaan bahasa Melayu juga dikekang oleh bahasa ibunda etnik masing-masing.

## Metodologi

Kajian ini adalah kajian berbentuk deskriptif. Responden kajian terdiri daripada 429 orang murid yang dipilih dipilih secara rawak berstrata, meliputi tiga etnik, iaitu etnik Melayu, Cina dan Orang Asli. Responden etnik Melayu terdiri daripada 246 orang murid, manakala responden etnik Cina dan Orang Asli masing-masing 86 orang murid, dan 97 orang murid. Usia responden ialah 11 tahun. Pemilihan ini adalah kerana pelajar-pelajar

ini sudah berada tempoh matang pada peringkat sekolah rendah berdasarkan tempoh pembelajaran bahasanya di sekolah rendah sudah melebihi lima tahun. Kawasan kajian ini melibatkan negeri Terengganu dan Kelantan. Pemilihan kawasan ini berdasarkan persamaan budaya dan sosial bagi kedua-dua buah negeri ini.

Data kajian diperoleh dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Soal selidik ini dikemukakan kepada responden yang terdiri daripada tiga kumpulan etnik, iaitu Melayu, Cina dan Orang Asli. Penggunaan borang soal selidik ini dipilih bagi mendapatkan maklumat kajian dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden. Borang soal selidik ini ditabdir dengan dua cara, iaitu pengkaji terlibat secara langsung di lapangan untuk mentadbir soal selidik dan pengkaji mentadbir soal selidik dengan kerjasama guru sekolah yang terlibat. Soal selidik ini diperincikan kepada tiga bahagian, iaitu bahasa komunikasi, motivasi pembelajaran dan sikap terhadap bahasa Melayu. Bahagian pertama menjelaskan jenis bahasa pertuturan yang diamalkan etnik-etnik tersebut di rumah dan di sekolah. Bahagian kedua pula menjelaskan motivasi yang mendorong pembelajaran bahasa Melayu yang mempengaruhi etnik-etnik tersebut untuk meningkatkan kecekapan Bahasa Melayu, manakala bahagian ketiga pula menjelaskan sikap etnik-etnik tersebut terhadap bahasa Melayu. Ketiga-tiga bahagian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan deskriptif.

## Hasil Kajian

Sikap dan motivasi merupakan elemen penting dalam pembelajaran bahasa. Berdasarkan data kajian, pengkaji mendapati etnik Melayu, Cina dan Orang Asli di pantai timur mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kedua-dua elemen ini mampu meningkatkan kecekapan komunikatif etnik-etnik tersebut terhadap bahasa Melayu. Sikap dan motivasi ini memperlihatkan gambaran yang baik terhadap penerimaan bahasa Melayu oleh ketiga-tiga etnik.

### 1. Sikap terhadap Bahasa Melayu

Sikap merupakan sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberi nilai terhadap sesuatu simbol objek yang diperkatakan sama ada disukai atau sebaliknya. Sikap terhasil daripada perasaan, kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi. Sikap seseorang individu itu terhadap bahasa bergantung juga kepada sejauh mana bahasa itu berfungsi secara praktikal dalam konteks sosial kehidupan (Mohd Asri et al., 2017). Gardner (1985) menegaskan bahawa sikap seseorang individu adalah reaksi penilaian terhadap rujukan atau objek sikap yang dirumuskan daripada kepercayaan atau pendapat individu tentang rujukan itu.

Kajian ini mendapati sikap terhadap bahasa Melayu oleh etnik Melayu, Cina dan Orang Asli di kawasan luar bandar adalah positif. Sikap positif ini dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah. Sikap penerimaan etnik-etnik tersebut terhadap bahasa Melayu dapat dilihat berdasarkan sama ada suka atau tidak suka kepada bahasa Melayu.

Jadual 1. Sikap etnik terhadap bahasa Melayu

Etnik	Suka		Tidak Suka		Jumlah
	Senang	Susah	Senang	Susah	
Melayu	240 (97.6%)	3 (1.2%)	2 (0.8%)	1 (0.4%)	246 (100%)
Cina	50 (58.1%)	13 (15.1%)	0 (0%)	23 (26.7%)	86 (100%)
Orang Asli	93 (95.9%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (4.1%)	97 (100%)
<b>Jumlah</b>	<b>383</b> <b>(89.3%)</b>	<b>16</b> <b>(3.7%)</b>	<b>2</b> <b>(0.5%)</b>	<b>28</b> <b>(6.5%)</b>	<b>429</b> <b>(100%)</b>

Berdasarkan Jadual 1 di atas, hampir keseluruhan iaitu 240 (97.6%) responden murid etnik Melayu menyatakan suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari, 3 (1.2%) responden suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana susah untuk dipelajari, 1 (0.4%) responden pula menyatakan tidak suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana susah untuk dipelajari, dan bakinya, 2 (0.8%) responden menyatakan tidak suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari. Bagi murid etnik

Cina pula, 50 (58.1%) responden menyatakan suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari, 13 (15.1%) responden menyatakan suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana susah untuk dipelajari, 23 (26.7%) responden pula menyatakan tidak suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana susah untuk dipelajari, dan tiada (0%) responden menyatakan tidak suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari.

Murid etnik Orang Asli pula menunjukkan hampir keseluruhan iaitu 93 (95.9%) responden menyatakan suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari, tiada (0%) responden menyatakan suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana susah untuk dipelajari, 4 (4.1%) responden pula menyatakan tidak suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana susah untuk dipelajari, dan tiada (0%) responden menyatakan tidak suka akan mata pelajaran bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan murid etnik Melayu, Cina dan Orang Asli, iaitu 383 (89.3%) responden menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu. Responden tersebut suka akan bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari. Ada juga responden, iaitu 16 (3.7%) responden suka akan bahasa Melayu tetapi kerana cabaran kesukaran untuk mempelajari mata pelajaran tersebut. Ada juga responden yang menyatakan sikap negatif terhadap bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut adalah lebih kecil daripada pernyataan positif. Hanya 28 (6.5%) responden menyatakan tidak suka akan bahasa Melayu kerana susah untuk dipelajari. Ada juga responden iaitu 2 (0.5%) responden yang tidak suka akan bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari.

Pola sikap terhadap bahasa Melayu bagi murid etnik Melayu, Cina dan Orang Asli menunjukkan persamaan urutan positif, iaitu semua menyatakan suka bahasa Melayu kerana senang untuk dipelajari. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan jumlah peratusan sikap positif ini sangat tinggi bagi murid etnik Melayu dan Orang Asli, iaitu 243 atau 98.7% responden (murid etnik Melayu) dan 93 atau 95.8% responden (murid etnik Orang Asli) yang menyatakan suka akan bahasa Melayu. Jumlah peratusan tersebut sedikit berbeza dengan murid etnik Cina, yang mana hanya 63 (73.2%) responden yang menyatakan suka akan bahasa Melayu. Jumlah peratusan murid etnik Cina yang suka akan bahasa Melayu kerana sukar untuk dipelajari adalah lebih tinggi daripada murid etnik Melayu dan Orang Asli.

Dapatan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan sikap terhadap bahasa Melayu yang ditunjukkan oleh murid etnik Melayu, Cina dan Orang Asli di kawasan luar bandar di pantai timur adalah positif. Kecenderungan positif ini adalah disebabkan bahasa Melayu dianggap sebagai satu mata pelajaran yang senang untuk dipelajari. Pernyataan ini dibuktikan dengan 399 (93%) responden menyatakan suka akan mata pelajaran bahasa Melayu. Jumlah tersebut adalah sangat besar berbanding dengan sikap negatif terhadap bahasa Melayu iaitu hanya 30 (7%) responden yang menyatakan demikian. Kajian juga menunjukkan sikap positif terhadap bahasa Melayu ini lebih didominasi oleh murid etnik Melayu dan Orang Asli manakala sikap negatif terhadap bahasa Melayu ini lebih didominasi oleh murid etnik Cina. Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini tentang sikap murid etnik Melayu, Cina dan Orang Asli di kawasan luar bandar di pantai timur dapat dinyatakan sebagai sangat positif.

## 2. Motivasi Belajar Bahasa Melayu

Menurut Gardner (1985) motivasi merujuk kepada sejauh mana individu itu bekerja atau berusaha untuk mempelajari bahasa kerana keinginan untuk melakukannya dan kepuasan berpengalaman dalam aktiviti ini. Dapatan kajian ini memperlihatkan peranan guru dan sekolah adalah sangat penting dalam mempengaruhi perkembangan bahasa murid sama ada bahasa Melayu sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua. Ini dapat dilihat berdasarkan Jadual tentang pendorong motivasi belajar bahasa Melayu bagi etnik di kawasan luar bandar seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Pendorong motivasi belajar bahasa Melayu

Pendorong Belajar	Etnik			Jumlah
	Melayu	Cina	Orang Asli	
Ibu bapa dan ahli keluarga	80 (32.5%)	20 (23.3%)	6 (6.2%)	106
Guru-guru dan sekolah	156 (63.4%)	50 (58.1%)	81 (83.5%)	287
Kawan-kawan dan masyarakat	7 (2.8%)	12 (14%)	9 (9.3%)	28
Lain-lain	3 (1.2%)	4 (4.6%)	1 (1%)	8
<b>Jumlah</b>	<b>246 (100%)</b>	<b>86 (100%)</b>	<b>97 (100%)</b>	<b>429</b>

Berdasarkan Jadual 2 di atas, 80 (32.4%) responden murid etnik Melayu menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada ibu bapa dan ahli keluarga, 156 (63%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada guru-guru dan komuniti sekolah, 7 (2.8%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada kawan-kawan dan ahli masyarakat, dan bakinya, 3 orang (1.2%) daripada sumber-sumber yang lain. Bagi murid etnik Cina pula, 20 (23.3%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada ibu bapa dan ahli keluarga, 50 (58.1%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada guru-guru dan komuniti sekolah, 12 (14%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada rakan-rakan dan ahli masyarakat, dan bakinya, 4 (4.6%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada sumber-sumber yang lain.

Bagi murid etnik Orang Asli pula menunjukkan 6 (6.2%) responden menyatakan bahawa ibu bapa dan ahli keluarga menjadi pendorong utama motivasi, 81 (83.5%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu ialah guru-guru dan komuniti sekolah, 9 (9.3%) pula responden menyatakan rakan-rakan dan ahli masyarakat, dan bakinya, 1 (1%) responden menyatakan sumber-sumber yang lain menjadi pendorong motivasi belajar bahasa Melayu.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendorong utama motivasi belajar bahasa Melayu bagi etnik di kawasan luar bandar di pantai timur adalah daripada guru-guru dan komuniti sekolah. Lebih daripada separuh responden, iaitu 287 (66.9%) responden menyatakan demikian berbanding dengan 106 (24.7%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada ibu bapa dan ahli keluarga. Hanya 28 (6.5%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada rakan-rakan dan ahli masyarakat dan bakinya, 8 (1.9%) responden menyatakan pendorong motivasi belajar bahasa Melayu datangnya daripada sumber-sumber yang lain.

Pola pendorong motivasi belajar bahasa Melayu bagi murid etnik Melayu dan Cina menunjukkan persamaan urutan keutamaan tetapi tidak bagi murid etnik Orang Asli. Bagi murid etnik Melayu dan Cina, ibu bapa dan ahli keluarga merupakan pendorong utama motivasi belajar bahasa Melayu selepas guru-guru dan komuniti sekolah tetapi bagi murid etnik Orang Asli, ibu bapa dan ahli keluarga pendorong motivasi belajar bahasa Melayu yang ketiga selepas rakan-rakan dan ahli masyarakat. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga etnik ini bersetuju menyatakan guru-guru dan komuniti sekolah sebagai pendorong utama motivasi belajar bahasa Melayu. Dapatan kajian ini boleh ditafsirkan dalam dua perspektif; secara tersuratnya, guru-guru dan komuniti sekolah adalah pendorong utama motivasi belajar bahasa Melayu bagi etnik-etnik di kawasan luar bandar di pantai timur dan secara tersiratnya, sekolah ialah tempat utama penyuburan pembelajaran bahasa Melayu yang dapat membentuk kecekapan komunikatif bahasa Melayu etnik di kawasan luar bandar di pantai timur.

Dorongan belajar ialah satu bentuk motivasi yang dapat menggalakkan pembelajaran. Motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan pembelajaran bahasa khususnya bahasa kedua kerana murid yang bermotivasi tinggi akan dapat belajar dengan lebih cepat dan lebih banyak berbanding dengan murid yang kurang bermotivasi (Spolsky 1990). Oleh hal demikian, setiap kanak-kanak yang mempelajari bahasa Melayu memerlukan dorongan daripada ahli keluarga, komuniti sekolah dan rakan-rakan.

## Perbincangan

Sikap dan motivasi merupakan elemen penting dalam pencapaian komunikatif bahasa Melayu, etnik Melayu Cina dan Orang Asli luar bandar di pantai timur. Ketiga-tiga etnik ini mempunyai status penguasaan bahasa Melayu berbeza iaitu sebagai bahasa pertama bagi murid Melayu dan penutur bahasa kedua bagi penutur murid Cina dan orang Asli. Perbezaan status antara penutur bahasa pertama dengan penutur bahasa kedua ini memberi kesan terhadap kecekapan komunikatif bahasa Melayu. Murid etnik Melayu menggunakan bahasa Melayu, iaitu bahasa ibunda mereka dalam pertuturan dengan ahli keluarga di rumah dan dengan rakan-rakan di sekolah. Hal ini menunjukkan sikap penutur bahasa pertama terhadap bahasa ibunda adalah positif. Dalam hal ini, sikap yang positif akan mempamerkan keyakinan dan nilai sendiri untuk menggunakan bahasa ibunda dengan cara sebaik-baiknya.

Bagi murid etnik Cina dan Orang Asli yang merupakan penutur Bahasa kedua bahasa Melayu, pola sikapnya hampir sama dengan etnik Melayu. Kedua-dua etnik ini menggunakan bahasa ibunda mereka dalam pertuturan dengan ahli keluarga mereka. Penutur bahasa ibunda memang sudah didedahkan dengan bahasa ibunda sejak sebelum kelahiran (Henry, 2015). Bahasa ibunda ini diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain melalui proses komunikasi seharian. Walau bagaimanapun terdapat etnik Cina di Kelantan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan dengan ahli keluarga di rumah. Ini disebabkan oleh hubungan masyarakat Cina Kelantan dengan masyarakat Melayu Kelantan adalah sangat unik dan kuat sehingga berlakunya asimilasi daripada aspek bahasa, makanan dan pakaian daripada masyarakat Cina kepada masyarakat Melayu. (Muhammad Faris dan Muhamad Faisal 2020)

Sikap positif etnik Cina dan Orang Asli terhadap bahasa Melayu dapat dilihat apabila mereka menggunakan bahasa Melayu di sekolah. Mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan di sekolah. Penggunaan bahasa secara tidak formal dengan rakan-rakan lebih bersifat santai, realistik dan kurang terikat dengan peraturan tatabahasa. Komunikasi dalam bentuk yang bermakna ini disarankan oleh Canale dan Swain (1980) khususnya kepada penutur bahasa kedua sebagai satu cara untuk memudahkan pemerolehan kecekapan tatabahasa pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, penutur bahasa kedua tersebut bukan sahaja perlu mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu, tetapi juga perlu menguasai pengetahuan asas tatabahasa untuk memastikan komunikasi tersebut bersifat komunikatif.

Etnik yang menggunakan bahasa Melayu dalam aktiviti komunikasi sebenar dapat meningkatkan kecekapan komunikatif bahasa Melayu. Dalam proses ini, penggunaan kosa kata dan aspek tertentu morfologi dan sintaksis disusun secara semulajadi berdasarkan konteks. Penggunaan sesuatu bahasa dalam lingkungan bahasa yang lain tidak akan terlepas kaitannya juga daripada aspek sosial dan budaya bahasa yang diperkatakan. Dalam hal ini, semakin intensif bahasa tersebut digunakan maka semakin luaslah kecekapan komunikatif dikuasai oleh etnik tersebut. Johari (2020) menyatakan bahawa antara faktor keakraban hubungan antara masyarakat Cina Kelantan dengan masyarakat Melayu adalah kerana masyarakat Cina ini fasih berbahasa Melayu.

Di samping sikap yang positif, aspek motivasi juga penting dalam pembelajaran bahasa. Motivasi yang ada pada pelajar mungkin menentukan kejayaan mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu, khususnya sebagai bahasa kedua. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi motivasi. Pertama, sikap positif terhadap pembelajaran bahasa menjadikan pelajarnya lebih bermotivasi. Kedua, kegembiraan intrinsik pembelajaran mendorong pelajar untuk meneruskan pengajian dan mengambil bahagian lebih dalam aktiviti pembelajaran. Akhir sekali, tekanan luaran seperti ibu bapa dan ganjaran secara ekstrinsik boleh memotivasikan dan memuaskan pelajar untuk meneruskan pembelajaran. Motivasi yang tinggi mampu menjadikan murid menguasai bahasa Melayu dengan baik

Dalam pembelajaran bahasa Melayu, pengkaji mendapati guru-guru dan sekolah ialah pendorong utama motivasi kepada etnik-etnik untuk mempelajari bahasa Melayu. Guru menjadi sumber penguasaan kecekapan komunikatif bahasa Melayu kerana pada guru itu terdapatnya model penggunaan bahasa Melayu yang betul. Hal ini penting dan sesuai dengan konsep *performance* dan *competence* dalam pemerolehan bahasa. Murid-murid berkemampuan untuk mengamati dan memahami ayat-ayat yang didengari daripada ujaran guru tersebut dan seterusnya, mengujarkan kalimah-kalimah tersebut semula mengikut konteks dan



situasi yang sesuai. Untuk meningkatkan kecekapan komunikatif bahasa Melayu, guru bukan sahaja menjadi suri teladan penggunaan bahasa Melayu tetapi perlu juga bijak merancang aktiviti pembelajaran bahasa berdasarkan pendekatan komunikatif secara kreatif.

Ibu bapa dan ahli keluarga pula menjadi pendorong belajar bahasa Melayu yang kedua selepas guru-guru dan sekolah. Dalam hal ini, sokongan motivasi daripada ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Orang Asli sangat lemah berbanding dengan etnik-etnik yang lain. Oleh sebab itu, murid etnik Orang Asli lebih bergantung kepada guru-guru dan sekolah untuk menguasai bahasa Melayu. Hal ini dibuktikan berdasarkan data peratusan kebergantungan murid etnik Orang Asli kepada guru-guru dan sekolah adalah paling ketara tingginya. Walaupun kebergantungan dorongan untuk belajar bahasa Melayu daripada guru-guru dan sekolah sangat tinggi, namun sokongan motivasi yang rendah daripada ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Orang Asli di rumah tidak dapat menyokong penguasaan kecekapan komunikatif bahasa Melayu etnik tersebut.

Pencapaian kecekapan komunikatif bahasa Melayu bagi semua etnik khususnya murid etnik Cina dan Orang Asli (bukan penutur jati) bergantung kepada motivasi belajar juga. Motivasi dapat menjadi penentu sama ada pembelajaran bahasa kedua berjaya atau sebaliknya. Pencapaian kecekapan komunikatif murid etnik Cina lebih baik daripada murid etnik Orang Asli kerana data menunjukkan bahawa ibu bapa dan ahli keluarga etnik tersebut lebih prihatin terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Peranan motivasi sebagai ekstralinguistik iaitu situasi bahasa di luar bidang linguistik tetapi masih lagi dalam ruang lingkup pembelajaran bahasa ini menjadi faktor penarik yang kuat untuk murid menghayati bahasa dan memahami budaya berbahasa (Rohaidah et al. 2019).

Berbeza dengan penutur jati, Canale dan Swain (1980) menyatakan bahawa faktor motivasi menjadi perangsang yang lebih kuat kepada bukan penutur jati untuk mempelajari dan menggunakan bahasa kedua dalam konteks komunikatif. Semakin tinggi motivasi diterima maka semakin tinggi pencapaian kecekapan komunikatif bahasa kedua. Dalam konteks kajian ini, murid etnik Cina mendapat suntikan motivasi belajar bahasa Melayu lebih tinggi berbanding murid etnik Orang Asli. Motivasi ini akan mendorong pembelajaran bahasa Melayu. Murid yang bermotivasi akan belajar dengan lebih cepat dan lebih banyak serta lebih aktif dalam pembelajaran bahasa Melayu. faktor ini secara tidak langsung mengembangkan kecekapan komunikatif bahasa Melayu etnik tersebut.

Kelebihan murid etnik Cina ialah sokongan daripada ibu bapa dan ahli keluarga. Kajian ini mendapati bahawa pendorong motivasi belajar bahasa Melayu daripada ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Cina adalah lebih besar daripada murid etnik Orang Asli. Perbezaan sokongan motivasi belajar bahasa Melayu daripada ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Cina berbanding dengan murid etnik Orang Asli adalah sanagat ketara. Salah satu daripada bentuk motivasi yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Cina ialah kesediaan menyokong pembelajaran bahasa Melayu di sekolah dengan menyediakan peruntukan kewangan untuk membeli buku-buku latihan tambahan untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu.

Di luar waktu persekolahan pula, kebanyakan ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Cina menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti kelas bimbingan tambahan atau tuisyen secara berbayar. Kesungguhan ibu bapa murid etnik Cina ini menjadi motivasi kepada murid-murid etnik Cina untuk menguasai bahasa Melayu. Faktor sokongan daripada ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Orang Asli pula tidaklah sekuat sokongan ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Cina. Kesedaran tentang keperluan pendidikan masih lemah dalam kalangan ibu bapa murid etnik Orang Asli. Masalah ketidakhadiran ke sekolah masih gagal mendapat kerjasama penuh daripada ibu bapa etnik Orang Asli. Berdasarkan pengalaman pengkaji mengendalikan soal selidik dan UKKBM kepada murid etnik Orang Asli, masalah responden tidak hadir ke sekolah ialah masalah utama kajian.

Pola dapatan kajian kecekapan komunikatif bahasa Melayu berdasarkan etnik di kawasan luar bandar di pantai timur ini menunjukkan pola yang sama dengan sokongan motivasi belajar bahasa Melayu yang diterima oleh etnik-etnik tersebut daripada ibu bapa dan ahli keluarga. Murid etnik Melayu menerima sokongan motivasi yang paling tinggi dan diikuti oleh murid etnik Cina dan Orang Asli. Hal ini menunjukkan bahawa peranan motivasi ibu bapa dan ahli keluarga untuk mempelajari bahasa Melayu memberi kesan tidak langsung kepada tahap kecekapan komunikatif bahasa Melayu antara etnik yang dikaji.

Sokongan daripada ibu bapa dan ahli keluarga amat penting untuk meningkatkan kecekapan komunikatif bahasa Melayu. Menurut Canale dan Swain (1980), faktor bukan kognitif ini diiktiraf sebagai faktor yang boleh mempengaruhi prestasi kecekapan komunikatif penutur bahasa kedua. Sumbangan motivasi belajar bahasa Melayu yang tinggi daripada ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Cina menunjukkan pencapaian kecekapan komunikatif bahasa Melayu murid etnik Cina mencapai tahap memuaskan manakala sumbangan motivasi belajar bahasa Melayu yang rendah daripada ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Orang Asli menunjukkan pencapaian kecekapan komunikatif bahasa Melayu murid etnik Orang Asli berada pada tahap yang paling lemah.

Kajian ini menunjukkan jurang perbezaan pencapaian kecekapan komunikatif antara bukan penutur jati bahasa Melayu ini adalah selaras dengan jurang sokongan motivasi belajar bahasa Melayu antara ibu bapa dan keluarga kedua-dua etnik tersebut. Sehubungan dengan itu, faktor ini dapat menjelaskan prestasi kecekapan komunikatif bahasa Melayu dalam kalangan etnik di kawasan luar bandar di pantai timur dalam kajian ini. Bentuk motivasi yang diberikan oleh ibu bapa dan ahli keluarga murid etnik Cina untuk menyokong pembelajaran bahasa Melayu di sekolah adalah dengan menyediakan peruntukan kewangan untuk membeli buku-buku latihan tambahan untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu

### **Kesimpulan**

Ketiga-tiga etnik mempunyai kemampuan berbahasa yang berbeza. Murid etnik Melayu mempunyai kemampuan berbahasa secara semula jadi, khususnya dalam tatabahasa kerana dalam sistem mindanya sudah ada alat penguasaan rumus-rumus berbahasa. Oleh hal yang demikian, proses penguasaan bahasa pertama merupakan proses yang mudah dan berlaku sejak awal kanak-kanak mengenal bahasa lagi. Murid etnik Cina dan Orang Asli pula memperoleh kecekapan komunikatif bahasa Melayu melalui pembelajaran bahasa. Proses ini berlaku selepas kedua-dua etnik tersebut menguasai bahasa pertama mereka. Oleh sebab penguasaan bahasa kedua lebih lewat berbanding bahasa pertama, maka proses menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ini bergantung pada tujuan, minat dan motivasi belajar. Perbezaan jurang pencapaian kecekapan komunikatif bukan penutur jati bahasa Melayu ini adalah selaras dengan sikap murid dan sokongan motivasi belajar bahasa Melayu antara ibu bapa dan keluarga kedua-dua etnik tersebut. Faktor ini tetap dianggap sebagai aspek penting dalam meningkatkan prestasi komunikatif. dalam kalangan etnik di kawasan luar bandar di pantai timur.

**Penghargaan:** Terima kasih kepada guru dan murid-murid di Kelantan dan Terengganu yang memberi kerjasama yang sangat baik dalam membantu menjayakan kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Abdul Wahab, M.K., Subramaniam, I., Boon Dar, K., dan Pin Ling, L. (2025). Sikap Bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 8(1), 24 – 37, <https://doi.org/10.47254/insaniah.v8i1.249>
- Ambridge, B. & Lieven, V.M. (2001). *Child Language Acquisition: Constrasting Theoretical approaches*. Cambridge University Press.
- Ammar Asyraf Mansor, dan Sa'adiyah Ma'alip. (2020). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu di Singapura. *Jurnal Sarjana Wacana*, 4(2), 1-17.
- Canale, M, dan Swain, M. (1980). Theoretical Bases of Communicative Approach to Second Language Teaching and Testing. *Applied Linguistics*, 1, 1–47.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah.: *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Chew Fong Peng. (2023). Hubungan antara Persepsi, Sikap dan Pencapaian Bahasa Melayu Murid-murid Cina di Sekolah Kebangsaan Cina Pilihan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 41-59.

- Chew Fong Peng, dan Lee Tan Luck. (2009). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. *2 nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speaker: Language Competence and Performance*. 2-3 Disember, UiTM, Shah Alam.
- Edmund Austrus, Zamri Mahamod, dan Norhafizah Adnan. (2024). Factors Influencing Malays as a Second Language Learning in Essay Writing: A case study of Iban Ethnic Students in Sarawak, Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(4), 16-25. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.02>
- Gardner, R.C. (1985) *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. Edward Arnold.
- Johari Yap. (2000, Jun 15). Contohi Cina Kelantan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/87817/KOLUMNIS/Contohi-Cina-Kelantan>. [20 Jun 2021]
- Juliana Mohd Janjang, Mohamed Yusoff Mohd Nor, dan Aida Hanim A. Hamid. (2023). Parents' Challenges Against The Intention of The Implementation of The 12-Year Compulsory Education Policy in Malaysia.). *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(4), 116-128, <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2004.10>
- Kridalaksana, H. (2001). *Kamus Linguistik*. Gramedia Pustaka Utama.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. McGraw Hill.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid dan Kartini Abd. Wahab. (2017). Kajian perbandingan sikap dan kecekapan komunikatif bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Melayu bandar dan luar bandar. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 289-303.
- Mohammad Najib Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit UTM.
- Muhammad Faris Abdul Fatah & Muhamad Faisal Ashaari. (2020). Asimilasi masyarakat Cina dengan orang Melayu di Kelantan. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 186-198.
- Nor Azizah Othman. (2025). Dari Bowrey ke Bowen: Evolusi Legasi Linguistik Antropologi di Kepulauan Melayu *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(1), 573-582, <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.46>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan dan Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 67-87.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar universiti di Selatan Thailand*. [Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya].
- Nurhijrah Binti Zakaria, Zuria Binti Mahmud & Mohd mahzan Awang. (2019). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Sejarah, realiti dan cabaran di sekolah pelbagai teknik. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua 2019*. Pembangunan dan cabaran masa depan pendidikan bahasa, sastera, dan budaya Melayu (halaman 1152-1166).
- Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Tuan Nur Aisyah Tuan Abdul Hamid, Nor Sahaya Hamzah dan Minah Mohammed Salleh. (2019). *International Journal of English Language and Literature Studies*, 8(4), 135-145.
- Shanmugam, D.& Mohamad Nasri, dan Nurfaradilla. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid India Sekolah Rendah Pedalaman Tamil Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 331-341.
- Subramaniam, R. , Muhammad Zuhair Zainal, dan Fadzilah Amzah.(2023). Kesediaan Guru Bahasa Melayu Menengah Rendah Menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr) Penulisan Karangan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(2), 60-73, <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2002.06>.
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman dan Karim Harun. (2010). Sikap terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, 5, 163-176.